

Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Utusan Malaysia - B&W
Ekonomi, P. 20 (1 of 1)

Date: November 30, 2007

PKFZ yakin bayar balik pinjaman

SUBANG 29 Nov. - Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yakin mampu melakukan pembayaran semula pinjaman bernilai RM4.6 bilion yang diterimanya menerusi Kementerian Kewangan dalam tempoh yang singkat.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy berkata, keyakinan itu dibuat berdasarkan prestasi dan perkembangan perniagaan yang diterima oleh PKFZ pada masa ini.

"PKFZ sedang berunding dengan 55 buah syarikat mampu melakukan pelaburan bernilai RM610 juta di PKFZ.

"Nilai tersebut dijangka akan dicapai pada tahun depan dan menawarkan 20,000 peluang pekerjaan baru," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan logo baru PKFZ, di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengerusi PKFZ, Datin Paduka O.C Phang dan Pengerusi Port Klang Authority, Datuk Chor Chee Heung.

Kong Choy berkata, PKFZ telah menunjukkan permulaan yang baik dan pihaknya yakin syarikat pelabuhan itu akan mencapai matlamat penubuhannya.